

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM CERIAKAN SAMBUTAN RAMADAN ANAK-ANAK CHOW KIT

JUADAH IFTAR PERCUMA UNTUK WARGA KOTA SETIAP HARI BEKERJA DI BULAN RAMADAN

KUALA LUMPUR, Jumaat, [10 Mei 2019]: Bank Islam Malaysia Berhad menerusi tanggungjawab korporatnya, AMAL, hari ini berkongsi rezeki dan kegembiraan sempena Ramadan dengan berbuka puasa dengan 30 anak-anak asnaf dari Yayasan Chow Kit Kuala Lumpur ("YCKKL"). Selain itu, AMAL turut menghadihkan set pakaian dan kelengkapan raya bernilai RM150 setiap seorang bagi membantu mereka membuat persiapan menyambut Hari Raya Aidilfitri. YCKKL adalah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang bertanggungjawab mengurus golongan kanak-kanak asnaf di asrama YCKKL di Chow Kit.

Majlis berbuka puasa dan upacara penyampaian set pakaian raya and kelengkapan raya tersebut disempurnakan oleh Ustaz Mohd Nazri Chik, Ketua Pegawai Syariah, Bank Islam, bersama-sama barisan pengurusan kanan yang lain.

Majlis ini diadakan di perkarangan Menara Bank Islam, tempat berlangsungnya program Ramadan Fest di mana juadah berbuka puasa percuma disediakan pada setiap hari bekerja untuk pelbagai lapisan masyarakat di sekitar segi tiga emas Kuala Lumpur yang tidak sempat pulang ke rumah untuk berbuka puasa. Dianggarkan seramai lebih 500 warga kota hadir yang berbuka puasa di sini yang terdiri daripada pemandu teksi, petugas badan beruniform seperti RELA, para pekerja di pasaraya sekitar Kuala Lumpur, dan ramai lagi.

Bank Islam bersama surau wakafnya, Surau Wakaf Ahmad Dawjee Dadhaboy (SWADD) menganjurkan program yang kini masuk tahun kelima ini dengan peruntukan sejumlah RM255,000, hasil dari dana AMAL Bank Islam serta kutipan sumbangan jemaah Jumaat SWADD pada setiap minggu bekerja sepanjang tahun.

Ustaz Nazri yang juga selaku Pengerusi Ahli Jawantankuasa SWADD berkata "Diharapkan inisiatif-inisiatif yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan oleh Bank Islam dan SWADD ini dapat sedikit sebanyak membantu kehidupan masyarakat yang memerlukan serta memeriahkan lagi sambutan Ramadan dan Syawal mereka."

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------